



01 FEB, 2023

'Lesen besar' raih simpati

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2



BAKUL berisi sayur-sayuran dan buah-buahan disorok di bangunan pencawang elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Oleh Mohd Jamilul
Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

J adikan dokumen atau kad dikeluarkan Agensi Pelarian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNHCR) sebagai 'lesen besar' untuk menjalankan kegiatan menjaja sayur secara haram sekitar ibu kota.

Itu antara modus operandi rata-rata warga asing ketika ditahan anggota Jabatan Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hasil operasi sekitar Pasar Harian Selayang, Jalan Selayang Baru di sini, kelmarin.

Sejak awal bulan ini, bilangan warga asing yang memperkenalkan dokumen UNHCR ketika diambil tindakan pihak DBKL didapati semakin bertambah.

Tindakan itu turut mewujudkan keraguan sama ada dokumen UNHCR dimiliki kebanyaknya warga asing terbabit adalah palsu atau dibeli daripada sindiket tertentu.

Terbaharu, menurut jurucakap DBKL berkata, empat penjaja sayur warga Myan-

mar dikenakan tindakan sita dan pindah barang oleh penguat kuasa DBKL di Pasar Harian Selayang di sini. Menurutnya, ketika tindakan diambil, ada antara penjaja haram terbabit bertindak menyorokkan bekas atau bakul berisi sayur-sayuran dan buah-buahan dijual di dalam longkang, belakang rumah kedai serta di bangunan pencawang elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) berhampiran.

"Bagaimanapun taktik yang biasa digunakan penjaja haram itu berjaya dihidiu penguatkuasa DBKL. Semua barang jualan mereka disita mengikut Undang-undang Kecil Pelesehan Penjaja (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016 kerana menjaja tanpa kebenaran."

"Walaupun tindakan diambil hampir setiap minggu namun penjaja haram warga asing terutama dari Myanmar ini tetap berdegil dan akan meneruskan kegiatan sama berulang kali," katanya.

Menurutnya, lokasi itu yang didiami komuniti dari negara sama menyebabkan kegiatan haram berkenaan sukar dibenteryas sepenuhnya.



ANGGOTA DBKL merampas bakul berisi sayur-sayuran milik penjaja haram.

'Lesen besar' raih simpati

Warga asing guna kad UNHCR untuk bermula dengan sayur, buah di sekitar ibu kota



PENJAJA haram vanu ditahan menuntutkan kad UNHCR.

"Buat masa ini semua sayur-sayuran dan buah-buahan yang dirampas akan dihantar ke Setor Sitaan



DBKL, Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras untuk tindakan lanjut," katanya.

Dalam operasi sama

minggu lalu, sejumlah 14 tindakan penguatkuasaan dilaksanakan DBKL di premis perniagaan dijalankan warga asing sekitar Kawasan Gombak dan Setapak di sini.

Sementara itu, tindakan sama turut dilakukan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) apabila menggempur penjaja warga asing yang didapati masih berdegil meneruskan perniagaan sekitar Jalan Besar Selayang Baru di sini.

Menerusi operasi dijalankan anggota Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan MPS, sebanyak 45 bakul pelbagai jenis sayur-sayuran



Walaupun tindakan diambil hampir setiap minggu, namun penjaja haram warga asing terutama dari Myanmar ini tetap berdegil dan akan meneruskan kegiatan sama berulang kali"

Jurucakap DBKL

dan empat bakul kelapa milik penjaja warga asing itu dirampas.

Turut dirampas beberapa peralatan seperti meja, alat penimbang dan payung milik penjaja warga asing terbabit.

Semua penjaja warga asing dikenakan tindakan kerana didapati menjalankan perniagaan di kawasan petak parkir sehingga membulan isu kacau ganggu, kebersihan dan juga kesesakan di kawasan berkenaan.